

12 SEP 1996

Sarji-Khidmat (bergambar)

AHMAD SARJI AKHIRI PERKHIDMATAN DENGAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid yang mengakhiri hampir 36 tahun perkhidmatannya dalam kerajaan hari ini, mengakui gemar bersiul serta menyanyi semasa bertugas.

Disebabkan bersiul dan menyanyi itu satu bentuk rehat baginya, beliau jarang mengambil cuti dan menurutnya cuti tahunan yang dikorbankannya ialah hampir tiga tahun.

Beliau dikenali sebagai penggemar lagu-lagu P.Ramlee tetapi "saya menyanyi lagu-lagunya apabila berada seorang saja."

Hari terakhirnya di pejabat hari ini sebelum bersara Isnin ini dipenuhi dengan aturcara yang padat bermula dengan majlis menandatangani nota serah tugas dan fail meja kepada penggantinya Datuk Abdul Halim Ali yang kini Ketua Setiausaha Kementerian Luar, di Jabatan Perdana Menteri, dan juga membuat kunjungan perpisahan terhadap Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau kemudian merasmikan seminar kebangsaan Puspanita sebelum menyerahkan koleksi hampir 5,000 surat dan bukunya kepada Arkib Negara di sini.

Ahmad Sarji, 58, juga diraikan oleh menteri-menteri Kabinet pada jamuan tengah hari di Carcosa Seri Negara. Yang turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar.

"Saya banyak korbakan cuti saya, dan kalau dikumpulkan, jumlah cuti saya hampir tiga tahun," kata beliau kepada pemberita ketika ditemui di Arkib Negara.

"Saya tak pandai nak mengambil cuti mungkin kerja itu merupakan cuti saya, jadi dengan lain perkataan apabila saya bekerja saya bersiul dan menyanyi yang jadikan saya berehat sambil bekerja," kata Ahmad Sarji yang pada mulanya enggan ditemubual.

Beliau mencapai umur persaraan pada 1993 tetapi perkhidmatannya sebagai KSN disambung dua kali secara kontrak yang tamat 16 Sept ini.

Ketika ditanya sama ada beliau akan mengambil kesempatan untuk bercuti, Ahmad Sarji berkata beliau seorang yang tidak suka mengambil cuti dan akan meneruskan tugas yang ada dihadapannya.

Mengenai laporan yang beliau akan dilantik sebagai Pengerusi Permodalan Nasional Bhd (PNB), Ahmad Sarji yang kini merupakan Timbalan Pengerusi PNB berkata spekulasi itu mungkin timbul kerana kedudukannya itu.

"Kerajaan akan mengumumkannya, mungkin ya, mungkin tidak, ia banyak bergantung kepada nasib seseorang. Saya ucapkan terima kasih kepada mereka yang mempunyai keyakinan terhadap saya, bagi saya ianya terserah kepada takdir.

"Tetapi ia hanya spekulasi dan saya rasa lebih baik dibiarkan begitu sahaja. Seronok juga kalau ada spekulasi begini, you are always in the news, kalau tak ada spekulasi jadi nama saya padam begitu sahaja," katanya.

Pada majlis perasmian seminar kebangsaan Puspanita sempena Hari Wanita yang berlangsung di Rumah Puspanita, Ahmad Sarji yang terkenal sebagai seorang yang tegas dan serius sempat berjenaka ketika memberi ucapan.

Isterinya Puan Sri Sagiyah Salikin yang merupakan Yang Dipertua Puspanita turut hadir pada majlis itu.

Dalam ucapannya, Ahmad Sarji berkata suami seperti beliau, hendaklah memainkan peranan membantu dalam urusan rumah tangga bagi mengurangkan beban tugas isteri.

"Ini yang berat saya nak baca sebab ucapan ini bukan saya yang sediakan, ia disediakan oleh pegawai saya. Nanti saya nak disiplin pegawai yang menulis ini," katanya disambut ketawa dan tepuk tangan hadirin.

Mengenai rancangannya selepas persaraaan, Ahmad Sarji berkata beliau akan terus menjadi Pengerusi Institut Kefahaman Islam (IKIM) yang akan memberi banyak kebahagiaan kepadanya kerana ia menyentuh soal keagamaan. --
BERNAMA

NHD MAI